



SETIAUSAHA KERAJAAN,  
SELANGOR DARUL EHSAN,  
TINGKAT 19,  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503 SHAH ALAM,  
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel : 03 55142134  
Fax : 03 55103062

**'KEJUJURAN DAN KETEKUNAN'**  
**"PRODUKTIVITI TINGGI AMALAN KITA"**

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : (13) dlm. IPK. Sel.  
20279/7/2 Jld. 4

Tarikh 23 Rabiulawal 1429 H  
31 Mac 2008

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Ketua Jabatan/Agensi Persekutuan,  
Di Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah  
Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha,  
Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan

#### **SURAT HEBAHAN SUK BIL. 24 TAHUN 2008**

#### **PEMBERITAHUAN PEMBUKAAN PEJABAT BIRO PENGADUAN AWAM (BPA) NEGERI SELANGOR, JABATAN PERDANA MENTERI**

Dengan segala hormatnya dilampirkan sesalinan surat yang saya terima daripada **Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri** pada **21 Mac 2008** mengenai perkara di atas.

2. Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sekalian diminta **mengambil perhatian** akan **para 2** yang terkandung di surat berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
(DATO' RAMLI BIN MAHMUD)

Cc: baka/fo/ke/surat/hebahan/bil/2008



**BIRO PENGADUAN AWAM**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
ARAS 6, BLOK B1, KOMPLEKS JPM  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62502 PUTRAJAYA



No. Tel : 03 - 8888 7777  
No. Fax : 03 - 8888 7778/ 8888 3748  
Emel : [aduan@bpa.jpm.my](mailto:aduan@bpa.jpm.my)  
Web : [www.bpa.jpm.my](http://www.bpa.jpm.my)  
Surat Tanpa Setem :  
Biro Pengaduan Awam,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Peti Surat 9000,  
KUALA LUMPUR

Ruj. Kami : BPA. PA/87/511/6-10 ( / )  
Tarikh : 21 Mac 2008

Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40000 Shah Alam  
**SELANGOR DARUL EHSAN**



Y.B. Dato',

**PEMBERITAHUAN PEMBUKAAN PEJABAT BIRO PENGADUAN  
AWAM (BPA) NEGERI SELANGOR, JABATAN PERDANA MENTERI**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.B. Dato', Biro Pengaduan Awam (BPA), Jabatan Perdana Menteri akan membuka Pejabat BPA Negeri Selangor dalam masa terdekat di Bandar Shah Alam. Waran Perjawatan bagi maksud tersebut telah diluluskan pada 16 Mac 2008. Pembukaan pejabat BPA Negeri Selangor adalah sebahagian daripada usaha pihak Kerajaan menyediakan kemudahan kepada orang ramai menyalurkan masalah yang dihadapi ketika berurusan dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Ianya selaras dengan langkah penyusunan semula BPA bagi menjadikannya sebuah agensi pengurusan aduan awam yang cekap dan berkesan. Sehubungan itu pengurusan aduan bagi Negeri Selangor diuruskan sepenuhnya oleh Pejabat BPA di Shah Alam dan tidak lagi oleh Pejabat BPA di Wilayah Kuala Lumpur. Untuk makluman Y.Bhg. Dato', Pejabat BPA Negeri Selangor akan diketuai oleh seorang Pengarah Negeri (Gred M52) dan akan dibantu oleh 12 orang pegawai dan kakitangan sokongan. Pengisian jawatan secara berperingkat akan dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan



**BPA SEDIA MEMBANTU**  
(Sila sebutkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung)

*Dato' Ramli bin Mahmud*  
*26/3/08*  
DATO' RAMLI MAHMUD  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
SELANGOR.

Awam. Alamat dan nombor telefon Pejabat BPA Negeri Selangor berserta kedudukan perjawatan akan dikemukakan kemudian.

3. Bagi memastikan BPA Negeri Selangor dapat menjalankan peranan dan tanggungjawab dengan berkesan, maka saya memohon kerjasama Y.Bhg. Dato' untuk membantu pegawai-pegawai BPA dalam menguruskan penyelesaian aduan dengan agensi-agensi kerajaan khususnya agensi Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memohon bantuan dan kerjasama Y.Bhg. Dato' untuk memaklumkan perkara ini kepada semua agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk memberi kerjasama yang diperlukan oleh BPA agar setiap aduan yang diterima dapat diuruskan dengan segera kerana usaha bersama ini akan dapat mempercepatkan usaha ke arah meningkatkan Sistem Penyampaian Kerajaan.

4. Segala kerjasama Y.B. Dato', amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
(**DR. CHUA HONG TECK**)  
Ketua Pengarah  
Biro Pengaduan Awam  
Jabatan Perdana Menteri

Tel: 03-88887751

E-mel: [chuahongteck@bpa.ipm.my](mailto:chuahongteck@bpa.ipm.my)